

15 SEP 1997

Mahathir-MMA 97

MAHATHIR AKAN RASMI PERSIDANGAN MULTIMEDIA

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Empat persoalan utama berhubung Teknologi Maklumat (IT) yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada masyarakat antarabangsa awal tahun ini akan menjadi tumpuan sesi soal-jawab pada hari pertama Persidangan dan Pameran Multimedia Asia 1997 (MMA 97) di sini esok.

Dr Mahathir akan membincangkan persoalan penting itu -- daripada soal bayaran cukai terhadap cetusan idea bersama kepada soal keselamatan Internet -- bersama kira-kira 500 peserta terdiri daripada pegawai kerajaan dan pakar-pakar IT dari seluruh dunia.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie dan Presiden Mimos Bhd, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, merupakan dua lagi anggota panel sesi berkenaan.

Perdana Menteri yang akan merasmikan persidangan empat hari itu juga dijangka menyampaikan ucap tamsil mengenai "Menggerakkan Koridor Raya Multimedia (MSC) Daripada Wawasan Kepada Kenyataan" di majlis pembukaan.

Dalam satu seminar di Lembah Silicon Januari lalu, Dr Mahathir, telah bertanya bagaimana nilai tambah yang dihasilkan secara bersama di beberapa buah negara tetapi dijual di negara lain, dikenakan cukai dan bagaimana hakcipta harta intelek produk-produk berasaskan pengetahuan dan perkhidmatan ditakrifkan dan dilindungi.

Beliau juga telah menyoalkan bagaimana tanggungjawab terhadap ketepatan dan keunggulan maklumat dalam Internet dijamin dan bagaimana masyarakat dapat dilindungi daripada bentuk-bentuk baru penipuan, pemalsuan, penciplakan, dan serangan virus terhadap sistem yang boleh meruntuhkan syarikat malah negara.

Persoalan-persoalan tersebut dibangkitkan oleh Perdana Menteri kerana Malaysia kini dalam proses membangunkan MSC sebagai pusat teknologi maklumat antarabangsa.

MMA `97 itu juga mengandungi dialog dan persembahan mengenai MSC serta pameran produk-produk multimedia oleh syarikat-syarikat IT terkemuka dunia dan tempatan.

Pada MMA pertama tahun lepaslah, Dr Mahathir melancarkan dengan rasminya MSC dan berikutan kejayaan yang dicapai pada acara pembukaan itu telah membawa kepada keputusan supaya MMA dijadikan acara tahunan antarabangsa untuk menilai kemajuan MSC.

Lebih 210 syarikat dari seluruh dunia telah mengesahkan penyertaan mereka dalam pameran MMA `97 dan beberapa syarikat dijangka mengenengahkan produk mereka bagi tujuh aplikasi perdana MSC iaitu kerajaan elektronik, sekolah bistari, kad pintar, teleperubatan, kelompok penyelidikan dan pembangunan (R&D), jaringan pembuatan global dan pemasaran tanpa sempadan.

MSC ialah kawasan seluas 50 km kali 15 km, memanjangkan ke selatan dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, dikhaskan kepada syarikat-syarikat yang bergiat mengeluarkan, mengedar dan mengadakan produk-produk dan perkhidmatan multimedia.

-- BERNAMA

HJ oba